

# Belanjawan diharap sentuh tiga perkara utama: Pakar

DE 1.11.2018 3

KOTA KINABALU: Belanjawan 2019 sedang dirancang dalam persekitaran global yang tidak menentu apabila ekonomi dunia semakin perlahan dan harga minyak dunia mengalami penurunan mendadak dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Dr Rafiq Idris (**gambar**) seorang Ahli Ekonomi, Pensyarah Kanan dari Program Ekonomi Kewangan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyatakan bahawa keadaan ini sangat mencabar bagi kerajaan, dengan mengambil kira sasaran untuk terus mengurangkan defitit belanjawan.

"Berkenaan dengan belanjawan 2019 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad, saya ingin mengongsikan 'hasrat' belanjawan saya," katanya.

Dalam belanjawan yang akan datang ini, diharapkan bahawa kerajaan akan menyentuh tiga perkara utama antaranya; meningkatkan jumlah rumah mampu milik, meningkatkan peruntukan dalam bidang kesihatan dan pendidikan; perbelanjaan yang akan merangsang pertumbuhan KDNK serta merta dan peruntukan khusus untuk Sabah.

"Pertama sekali, tingkatkan jumlah rumah mampu milik di Malaysia. Sebagai pelengkap program perumahan sedia ada, saya percaya akan lebih banyak lagi peruntukan diperlukan supaya lebih banyak rakyat Malaysia boleh memiliki rumah."

Ianya harus menyasarkan kumpulan B40 dan M40, tambahnya. Kedua, diharap bahawa peruntukan untuk sektor pendidikan dan kesihatan akan ditingkatkan.

"Sektor pendidikan dan kesihatan adalah antara perkara penting yang menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia."

Peruntukan untuk sektor ini harus tidak boleh dikompromi, katanya.

"Ketiga, diharapkan bahawa belanjawan itu akan menjadi belanjawan yang mendorong pertumbuhan



segera."

Ia akan merangsang pertumbuhan KDNK pada separuh tahun pertama 2019, katanya.

"Jika wang dibelanjakan pada separuh tahun pertama 2019, hanya dengan itu ia mempunyai potensi untuk memberi kesan untuk 2019."

Untuk Sabah terutamanya, ia diharap bahawa inisiatif untuk aktiviti hiliran (dalam apa juga bentuk) diperkenalkan, katanya sambil menambah ia dapat merangsang lagi ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Selain itu, peruntukan khusus untuk penambahan bekalan bekalan air dan bekalan elektrik di negeri ini juga perlu, kata Rafiq.

Ianya penting untuk kesejateraan rakyat dan masyarakat perniagaan.

"Bekalan air dan elektrik yang stabil juga penting untuk menarik pelabur asing melabur di Sabah. "Sebagai tambahan, belanjawan khusus untuk meluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu juga penting." Pertambahan kemasukan pelancong memerlukan untuk meluaskan lapangan terbang sedia ada, katanya.

Selain itu, projek dibawah program-program koridor kebangsaan harus diteruskan.

"Saya berharap projek-projek seperti projek Lebuhraya Pan Borneo dan Hab Pemindahan di Sepanggar antara lain akan diteruskan."

"Dalam memenuhi keperluan dan kehendak rakyat Malaysia, saya percaya kerajaan sedang berusaha untuk menunjukkan pengurusan kewangan dan belanjawan yang berhemat dan disiplin untuk sesuatu yang berada dalam kemampuannya."

Kita berharap belanjawan melegakan semua rakyat Malaysia, inklusif, seimbang dan merangsang pertumbuhan perbelanjaan," katanya sambil menambah bahawa beliau berharap pengurangan pembangunan tidak seimbang antara negeri / rantau di Malaysia seperti yang digambarkan dalam Kajian Separuh Penggal Ekonomi Malaysia baru-baru ini akan diterjemahkan dalam belanjawan yang akan datang.